

***BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

***NAIB CANSELOR***

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 28 SEPTEMBER 2011

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daud Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku  
Pendaftar UniMAP

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Ladies and Gentlemen,

**For your information this has been a very busy month for us all, because there are several major events we have organized including UniMAP's 6<sup>th</sup> Convocation and the second students intake held last week.**

**My utmost gratitude goes to all the staff for giving full cooperation and endless dedication for the success of every program conducted by UniMAP at all levels. I also want to take this opportunity to congratulate all the committee who has worked very hard in ensuring that both programs run smoothly. Only God will repay your good deed.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sedar tak sedar UniMAP secara rasminya telah melahirkan sejumlah **4,751** orang graduan pelbagai peringkat sepanjang 9 tahun penubuhannya. Terkini pada Istiadat Konvokesyen ke-6 lalu seramai 1,237 pelajar telah bergraduat dengan 4 daripadanya menerima Ijazah Doktor Falsafah, 58 Ijazah Sarjana, 953 Ijazah Sarjana Muda serta 222 penerima Diploma berbanding dengan 1,179 graduan pada tahun lalu. Bagi saya jumlah ini amat membanggakan saya dan saya berharap pada tahun hadapan akan lebih ramai graduan akan dapat kita hasilkan bagi menampung keperluan tenaga mahir di negara ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

Kita teruskan dengan berita gembira mengenai pencapaian, pada 13 hingga 15 September 2011 lalu UniMAP telah menyertai Persidangan dan Eksspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA 2011) yang berlangsung di Pusat Kovensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Delegasi UniMAP menghantar 37 produk untuk dipertandingkan dengan 31 daripadanya berjaya meraih pingat.

UniMAP mencatatkan 84 peratus kemenangan sekaligus muncul IPTA yang meraih pungutan pingat tertinggi dengan 9 pingat emas, 6 Perak dan 16 Gangsa.

Pencapaian ini adalah sesuatu yang membanggakan memandangkan ini merupakan kali ketiga UniMAP menyertai PEKİPTA yang lalu, UniMAP hanya menduduki tempat kelima dengan 2 Emas, 10 Perak dan 3 Gangsa.

Pertandingan ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu Produk yang belum dipertandingkan sebanyak 27 produk dan kategori produk baru sebanyak 4.

Selain itu, UniMAP juga menghantar 6 produk bagi kategori junior yang diwakili oleh Pelajar UniMAP dan pelajar-pelajar dari Sekolah angkat UniMAP.

Hadirin sekalian,

Pada 4 dan 22 September 2011 lalu, UniMAP telah menerima 1,996 pelajar baru bagi kemasukan Sidang Akademik 2011/2012.

Bilangan ini menunjukkan peningkatan yang positif, dan ini membuktikan UniMAP semakin mendapat tempat di hati pelajar. Tahniah kepada pihak yang memainkan peranan

dalam mempromosikan UniMAP dan berjaya menjadikan UniMAP sebagai IPTA pilihan pelajar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada 26 September lalu, UniMAP telah meluaskan lagi jaringan antarabangsa apabila menandatangani MOU dengan Petra Christian Universiti (PCU), Surabaya Indonesia.

MOU ini bertujuan menjalinkan kerjasama akademik dan penyelidikan yang lebih menjuruskan kepada penyelidikan bahan geopolimer termasuk mengadakan program pertukaran pelajar dan kakitangan

Perjanjian yang dimeterai ini merupakan inisiatif UniMAP untuk meningkatkan lebih banyak penyelidikan berdasarkan bahan geopolimer selaras dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Sistem Geopolimer di UniMAP.

Kerjasama ini adalah langkah terbaik dalam usaha menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang berdaya saing serta dikenali di persada antarabangsa dalam bidang pengkhususan penyelidikan geopolimer.

PCU merupakan Institut Pengajian Tinggi yang ditubuhkan pada 1961 dan merupakan IPT Keempat terbaik di Indonesia dan UniMAP merupakan universiti yang pertama dari Malaysia mengadakan MOU dengan PCU yang juga

mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan perniagaan.

Saya berharap dengan kerjasama dalam bidang penyelidikan antara UniMAP dan PCU akan mampu memartabatkan UniMAP sebagai sebuah universiti yang berfokuskan kepada penyelidikan terkini. Ini juga adalah langkah kita dalam usaha menjadikan UniMAP sebagai 500 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

Hadiri dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin bercakap panjang, kerana selepas ini saya akan bertolak ke Anjung UniMAP Kulim untuk Majlis Aidilfitri dan Majlis Menandatangani MoU antara UniMAP dan B Braun Medical Industries Sdn Bhd.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.